

NGO: anak Dr M ada kepentingan dalam projek Lynas?

Malaysiakini.com

September 23,2011

Kumpulan Save Malaysia Stop Lynas (SMSL) membangkitkan persoalan berhubung sokongan mantan perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap loji nadir bumi di Gebeng, Pahang yang kini dilanda kontroversi.

SMSL mempersoalkan apa sebenarnya motif beliau mencabar kerajaan Datuk Seri Najib Tun Razak supaya meneruskan kelulusan loji tersebut yang dibina oleh Lynas Malaysia Sdn Bhd

Dalam satu kenyataan semalam, kumpulan itu mempersoalkan sama ada tindakan Dr Mahathir itu disebabkan oleh kurang kefahaman mengenai sains nuklear dan fizik, atau kerana beliau merupakan ayah kepada dua orang anak yang dikaitkan dengan projek Lynas.

Selain anak lelaki Dr Mahathir - Datuk Mukhriz - yang merupakan timbalan menteri perdagangan antarabangsa dan industri yang meluluskan pembinaan loji Lynas itu, SMSL juga merujuk kepada laporan bahawa Kencana Petroleum - di mana anak lelaki sulung Dr Mahathir - Mokhzani - menjadi ketua pegawai eksekutif (CEO) kumpulan - mempunyai kepentingan dalam projek loji nadir bumi Lynas.

Ia adalah melalui anak syarikatnya, Tham Torsco Sdn Bhd, yang memenangi kontrak RM9.1 juta untuk mereka bentuk, memasang, membekalkan talian, keluli karbon dan tangki keluli tahan karat untuk Lynas pada 2011.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/177320>